

PM: Kekalkan muafakat BN

KUALA LUMPUR 24 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) terus bersatu dan bermuafakat bagi mencapai agenda pembangunan negara dan matlamat Wawasan 2020.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, ia adalah komitmen BN dan segala dasar yang digubal mestilah ke arah menjayakan matlamat tersebut.

Tegasnya, walaupun parti-parti komponen BN terikat dengan tanggungjawab memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing namun bagi menjayakan Wawasan 2020, setiap parti perlu bersatu melaksanakannya.

"Setiap parti komponen BN perlu menjadi parti yang kuat supaya mereka dapat menyumbang mengukuhkan BN bagi mencapai misi nasional itu.

"Kita (parti-parti komponen BN) perlu bersepakat atas dasar perkongisian kuasa untuk membuat keputusan secara sebulat suara bagi kebaikan negara dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-60 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sen Najib Tun Razak serta para pemimpin parti komponen BN antaranya Presiden M C A Datuk Sen Ong Ka Ting, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Abdullah berkata, dasar perkongisian kuasa telah menjadi amalan dalam BN selama ini dan terbukti berjaya membawa kebaikan kepada

Saya hargai kerjasama yang diberikan oleh setiap pemimpin BN dalam menuju satu matlamat dan misi dan antara kita tidak berlaku pergaduhan

- Abdullah Ahmad Badawi

rakyat.

Dalam hubungan ini, beliau mahu setiap rakyat Malaysia bekerja bersungguh-sungguh menjayakan misi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan berharap ia diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

"Rakyat perlu bersatu, tabah menghadapi cabaran dan mampu bersaing bagi membina kekuatan untuk mencipta kejayaan dan memperbaiki kedudukan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana itu kerajaan menekankan tentang nilai tambah supaya kejayaan yang akan diperoleh nanti akan lebih tinggi mutunya.

Mengenai pemilihan MIC, beliau berkata, pertandingan yang berlaku dalam MIC merupakan satu proses demokrasi yang menjadi amalan semua parti komponen dalam BN.

"Amalan demokrasi yang sihat inilah yang telah memberi kekuatan kepada BN selama ini.

"Parti kita (BN) kuat kerana pemimpinnya dipilih oleh ahli dan dikehendaki oleh parti," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan perhimpunan agung MIC kali ini sebagai perhimpunan yang paling be-

sar sehingga mendapat liputan meluas oleh media.

"Seluruh masyarakat Malaysia, bukan sahaja ahli MIC seronok mengikuti perkembangan pemilihan MIC kali ini," katanya.

Abdullah turut mengucapkan tahniah atas kejayaan Datuk Seri S. Samy Vellu mengekalkan jawatan Presiden MIC bagi penggal ke-10 pada 10 Mac lalu.

"Saya hargai kerjasama yang diberikan oleh setiap pemimpin BN dalam menuju satu matlamat dan misi dan antara kita tidak berlaku pergaduhan."

Katanya, di bawah kepimpinan Menteri Kerja Raya itu, MIC telah berjaya menjadi sebuah parti yang dinamik dan terus setia bersama BN.

"Saya ucap terima kasih kepada Samy Vellu dan MIC kerana terus memberi sokongan kepada kepimpinan saya," katanya.

Abdullah turut meminta perwakilan MIC melaksanakan tanggungjawab memilih pemimpin secara bijaksana.

"Apa yang penting ialah selepas berakhirnya pemilihan nanti, yang menang ialah MIC dan setiap ahli MIC dapat kembali bekerjasama untuk mengukuhkan parti," katanya.